

23/06/1997

Rujuk imbuhan kepada peringkat perhubungan

KUANTAN, Ahad - Pergerakan Wanita Umno meminta ahlinya yang curiga dengan pemberian imbuhan daripada pihak tertentu supaya membuat rujukan kepada Perhubungan Umno Negeri masing-masing.

Ini dapat mengelakkan mereka terbabit dengan perbuatan dilarang oleh pucuk pimpinan parti.

Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata mereka juga tidak sepatutnya melakukan tugas secara bersendirian untuk Umno, sebaliknya berkumpulan supaya unsur penonjolan individu tertentu tidak berlaku.

Beliau berkata, pucuk pimpinan parti kini tidak lagi memberi peringatan kepada ahli mengenai perbuatan dilarang tetapi mula mengambil tindakan terhadap ahli yang gagal mematuhi peraturan.

"Pucuk pimpinan parti tegas dengan pendirian itu, terutama dalam menangani isu rasuah kerana masa memberi peringatan kepada ahli sudah berlalu.

"Sudah tiba masanya kita bertindak terhadap ahli yang didapati melakukan kesalahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Wanita Umno Bahagian Paya Besar, di sini, hari ini.

Zaharah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, berkata ahli yang menganjurkan lawatan ke luar negara adalah menyalahi peraturan parti.

Mengenai jawatan Timbalan Menteri Perusahaan Utama, beliau berkata, pihaknya belum lagi menyediakan senarai terakhir calon yang layak mengisi jawatan yang dikosongkan oleh Siti Zainab Abu Bakar itu.

Menurutnya, walaupun Wanita Umno mahu kekosongan itu diisi wakil Exconya, keputusan muktamad terpulang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tidak semestinya pengganti itu menjawat portfolio yang sama.

Siti Zainab dipecat sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama awal bulan ini selepas beliau dipersalahkan mengeluarkan wang tunai RM1.8 juta daripada akaun Wanita Umno tanpa pengetahuan ketua pergerakan itu.

Turut dipersalahkan ialah bekas Setiausaha Wanita Umno, Senator Habshah Osman. Keahlian kedua-duanya dalam parti juga digantung.

(END)